

21/09/1998

Melaka cadang tubuh UTSM

Norazmi Abdul Talib

KERAJAAN Negeri Melaka bercadang menubuhkan Universiti Teknologi Seni Malaysia (UTSM) berteraskan teknologi maya bernilai lebih RM30 juta di kawasan pelancongan Ayer Keroh dekat sini.

Penubuhan universiti itu tidak memerlukan kampus yang luas serta pembangunan fizikal yang banyak menggunakan ruang bagi menaikkan taraf Institut Teknologi Seni Malaysia (ITSM) yang ditubuhkan pada 1993.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata sebuah jawatankuasa peringkat negeri serta dianggotai Kementerian Pendidikan akan ditubuhkan dalam merancang penubuhan UTSM secara usahasama dengan konsortium pengkorporatan universiti.

Beliau berkata, perancangan awal akan dibuat dari sekarang dan apabila kegawatan ekonomi pulih membolehkan UTSM ditubuhkan segera.

Katanya, kerajaan negeri sendiri memperuntukkan tanah seluas kira-kira 12 hektar di kawasan pelancongan Ayer Keroh apabila ITSM ditubuhkan.

"Untuk membina UTSM yang berteraskan teknologi maya di kawasan yang diperuntukkan ini adalah lebih daripada mencukupi," katanya kepada pemberita selepas Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahbuddin merasmikan konvensyen pertama ITSM di Auditorium Al-Azim di sini, baru-baru ini.

Antara yang turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri, Datuk Ibrahim Durum, yang juga Pengerusi ITSM dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus.

Seramai 72 penuntut ITSM yang menamatkan pengajian menerima Diploma Seni masing-masing yang disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri. Tiga penuntut terbaik menerima anugerah masing-masing ialah Balkis Omar (cemerlang).

Latifah Zainal Abidin (akademik) dan Roslan Razali (kreatif).

Dalam ucapannya, Abu Zahar menjelaskan penswastaaan dan pengkorporatan atau pelaburan bersama dengan membangunkan dua pertiga daripada tanah yang disediakan itu boleh digunakan untuk menampung kos operasi UTSM yang bakal ditubuhkan nanti .

"Peluang pelaburan pembangunan universiti ini jika diluluskan oleh kerajaan Persekutuan masih terbuka kepada pelabur luar serta tempatan selepas kegawatan ekonomi menyebabkan pelabur swasta yang pernah mengemukakan cadangan tidak mengambil tindakan susulan," katanya.

Katanya, UTSM yang dicadangkan akan mempunyai ruang siber dan laman web di internet untuk mudah dikunjungi penuntut yang menggunakan prasarana teknologi maklumat (IT).

"Pengajian luar kampus, universiti terbuka, universiti tanpa tembok dan pengajian jarak jauh telah terbukti melahirkan ramai graduan berkualiti dan berjaya," katanya.

Menurutnya, penyelidikan di peringkat sarjana dan doktor falsafah adalah penjana perancangan dan pencapaian matlamat serta objektif kepada penemuan baru yang tidak terbatas di bilik kuliah sahaja.

Katanya, ini untuk mencapai matlamat wawasan dan pendidikan negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Wawasan 2020 serta era IT dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Berikutan itu, katanya, ITSM tidak terkecuali untuk mengorak langkah mengisi wawasan yang diterima oleh dunia pendidikan multimedia dengan penubuhan universiti berteraskan teknologi maya.

"Menjadi hasrat kerajaan negeri untuk mempunyai sebuah universiti maya yang berpangkalan di Melaka dalam menyahut saranan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menubuhkan Universiti Teknologi Seni Malaysia yang berteraskan teknologi dan seni, minda kreativiti sumber kemanusiaan warisan budaya dan tamadun alam," katanya.

(END)